

KERTAS 1

Arahan: Jawab semua soalan Bahagian A dan Bahagian B serta satu soalan daripada Bahagian C.

Bahagian A

[20 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Soalan 1 – 7

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 "Duduklah di _____, asalkan kamu dapat menyelesaikan tugas yang diberikan," kata Cikgu Amirul kepada Hadi.
- A tepi-tepi C siapa-siapa
B rata-rata D mana-mana

Soalan 2 berdasarkan gambar di bawah.



- 2 Karim dan abangnya menyertai pertandingan _____ sotong semasa mereka bercuti di Terengganu.
- A menjala
B memancing
C menangkap
D mencandat
- 3 Pak Samad mula menoreh getah seawal pukul 4.00 pagi _____ mencari rezeki untuk keluarganya.
- A tentang C pada
B demi D oleh
- 4 Zaharah _____ ke sekolah pada pagi itu kerana baru teringat tugasnya untuk mengendalikan sistem pembesar suara untuk perhimpunan pagi.
- A terkinja-kinja
B terketar-ketar
C terkocoh-kocoh
D termengah-mengah

- 5 Peluang pasukan kami untuk memenangi pertandingan itu amat _____ kerana masa perlawanan hampir tamat.
- A tipis C genting
B getir D runcing

- 6 Mereka sedang bertungkus lumus _____ songket kerana mendapat banyak tempahan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.
- A menyirat
B menjahit
C menenun
D menyulam

- 7 Pagi-pagi lagi kakak sudah mula _____ tepung untuk dibuat kuih karipap sebagai sarapan seisi keluarga.
- A menguli
B mengisar
C mencanai
D menggentel

Soalan 8

Ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 8 Polis berjaya menangkap segerombolan perompak-perompak itu setelah mengintip _____ A _____ B _____ pergerakan mereka selama dua minggu. C _____
Tiada kesalahan D _____

Soalan 9

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- ☐ 9 I Kami sudah masak dengan perangai kebudak-budakannya itu.
- ☐ II Buah mangga di belakang rumah datuk yang sudah masak habis dimakan oleh tupai.
- III "Janganlah masak sekarang kerana lauk masih banyak lagi," kata ibu kepada kakak.
- IV Perbuatan isterinya yang masak itu sungguh menyakitkan hatinya sehingga dia sanggup meninggalkannya.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak. Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- ☐ 10 Delila menjadi paling popular sekali semenjak dia menjadi juruacara majlis persaraan gurunya di sekolah.
- A terpopular sekali
B teramat popular sekali
C amat popular sekali
D paling popular sekali

Soalan 11

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- ☐ 11 Cita-cita Nisha untuk menjadi jurutera akhirnya tercapai apabila dia menamatkan pengajiannya di Universiti Malaya baru-baru ini dengan cemerlang.
- A Cita-cita Nisha tercapai akhirnya apabila dia menamatkan pengajiannya dan baru-baru ini dia menerima anugerah cemerlang di Universiti Malaya.
- B Selepas Nisha menamatkan pengajiannya di Universiti Malaya baru-baru ini baharulah dia berasa cita-citanya tercapai sepenuhnya.

C Apabila dianugerahkan sebagai pelajar cemerlang di Universiti Malaya baru-baru ini, Nisha berasa dia telah mencapai cita-citanya untuk menjadi jurutera.

D Hasrat Nisha untuk menjadi jurutera tercapai apabila dia berjaya menamatkan pengajiannya dengan cemerlang di Universiti Malaya.

Soalan 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

- ☐ 12 I Razi dan rakan-rakannya saling bantu-membantu semasa membuat Kerja Kursus Sejarah yang ditugaskan oleh guru mereka.
- II Kesilapan yang bahasa yang terdapat pada poster itu telah dibetulkan oleh saya pagi semalam.
- III Keadaan di dewan itu menjadi kelam-kabut apabila bekalan elektrik terputus tiba-tiba.
- IV Beribu-ribu pelarian Rohingya telah diberi perlindungan oleh kerajaan Malaysia yang bersimpati dengan nasib mereka.
- A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- ☐ 13 Peribahasa yang berikut membawa maksud kejayaan hanya akan diperoleh setelah berusaha dengan gigih dan bukannya bergantung kepada nasib semata-mata, kecuali **KBAT** Mengenalisis
- A kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan pula dapat sagunya.
- B kalau hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.
- C yang bulat datang bergolek, yang pipih datang melayang.
- D untung sabut timbul, untung batu tenggelam.

Soalan 14 – 17 berdasarkan petikan cerpen di bawah.

Inilah hasilnya jika kita berbudi kepada tanah. Ujaran abah masih terngiang-ngiang di telinga. Dia cuba memutar pita ingatan semula. Lebih setahun lalu, petak emas ini membuak dengan rasa geram, marah dan dendam yang berkacuh dengan air mata pilu dan jiwa yang luka berdarah. Dia sangka dia sudah mengalah ketika itu. Dia hampir mahu angkat bendera putih. Apatah lagi kala melihat air mata yang luruh daripada mata layu emak.

"Apa yang nak dipertahankan sangat tanah tu? Semua orang dah setuju. Dia seorang saja yang tak beri kata putus. Budak ini memang nak menyusahkan orang!"

Abang Man bersuara lantang. Beberapa orang lain kelihatan ikut terangguk-angguk dan bersemangat.

Anjung rumahnya jadi ruang perbicaraan. Dia berusaha menenangkan hati yang terasa seperti mahu luruh. Emak kelihatan bersusah payah berusaha menjadi hakim yang adil. Tetapi dia tidak tahu sejauh mana emak dapat terus bertahan.

"Semua orang dah setuju, Mak Wan. Anak Mak Wan seorang saja yang tolak tuah. Dek sebab dua petak tu, semua kerja tergendala. Mak Wan tolonglah nasihatkan anak bujang Mak Wan ni."

Kali ini Abang Man bersuara lembut sambil merenung wajah emak.

Emak masih menekurkan pandangan ke lantai. Tuk Ketua yang tersandar di dinding sekadar menelinga, seboleh-boleh mungkin tidak mahu campur tangan. Dia masih kekal sebagai pendamai dan pemerhati.

Ada debar bertebaran dalam dada Alif apabila melihat emak diam membatu begitu. Entah emak berfikir, entah emak buntu, tiada siapa dapat menduga. Semua orang tiba-tiba bagaikan disua bahang api.

"Kami semua mahukan kemajuan. Walaupun kami tak berapa muda macam Alif ni, kami pun nak juga menikmati kemajuan. Nak tengok pembangunan, nak melangkah ke depan. Bukannya berpatah balik ke belakang."

(Dipetik daripada cerpen 'Menuai Emas' antologi
Baik Budi, Indah Bahasa, Tingkatan 2, Kementerian Pendidikan Malaysia)

- 14 Semua yang berikut merupakan tindakan Tuk Ketua semasa Abang Man memujuk Mak Wan untuk menjualkan tanahnya, **kecuali**

- A Tuk Ketua memarahi Abang Man.
- B Tuk Ketua tidak mahu campur tangan.
- C Tuk Ketua kekal sebagai pendamai dan pemerhati.
- D Tuk Ketua mendengar perbualan Abang Man tanpa memberi reaksi.

- 15 Berikut merupakan perwatakan Alif dalam petikan cerpen di atas, **kecuali**

- A seorang yang pesimis.
- B seorang yang rasional.
- C seorang yang penyayang.
- D seorang yang tabah menghadapi cabaran.

tiba-tiba bagaikan disua bahang api

- 16 Apakah gaya bahasa yang digunakan dalam frasa di atas?

- A Simile
- B Metafora
- C Hiperbola
- D Personifikasi

- 17 Berikut merupakan persoalan yang terkandung dalam cerpen *Menuai Emas*, **kecuali**

- A kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya.
- B kegigihan anak muda untuk berbakti kepada tanah.
- C keberanian mempertahankan hak milik kerana yakin dengan hasilnya.
- D kesediaan anak muda untuk menukar tanah pertanian kepada taman perumahan.

Soalan 18 – 20 berdasarkan petikan prosa tradisional di bawah.

Sebermula adalah suatu hari Syah Alam di Rimba pergi berjalan *menatapi sekalian anak buah* di dalam pemerintahannya. Berjumpalah ia suatu lubang tempat memerang, ada anaknya tujuh ekor. Anak memerang itu pun keluarlah daripada lubangnya bermain-main di situ. Syah Alam di Rimba pun datang menghampiri seraya bertanya, "Hai kanak-kanak, ke manakah pergi mak bapa kamu?" Sahut anak memerang itu, "Mak bapa hamba sudah mencari ikan akan makanan hamba sekalian ini."

Fikir Syah Alam di Rimba, "Itulah akan memerang ini, selalu sahaja ia membuat aniaya ke atas ikan-ikan itu, terlalu runsing hatiku mendengar pengaduannya kepada Nabi Allah Sulaiman; jikalau begitu, baiklah aku perbuat pakatan pula dengan dia."

Setelah sudah ia fikir itu, dengan takdir Allah Subhanahuwataala melakukan kudrat-Nya hendak memanjangkan cerita ini, bunyilah burung bubut terlalu banyak bunyinya bersahut-sahutan sahaja. Syah Alam di Rimba pun mengingatkan langkah pertikaman zaman dahulu kala cekak perkelahian. Ia pun memencak silat langkah gelombang dua belas, mengerincing sahaja kakinya ke sana ke mari. Habislah dipijak-pijak anak memerang itu, ada yang patah kaki tangannya dan luka kepalanya, habis mati semuanya. Setelah dilihat Syah Alam di Rimba mati anak memerang itu, ia pun kembalilah ke tempatnya berdiam dirinya.

Hatta seketika lagi hari pun petanglah. Memerang laki bini pulang ke tempat lubangnya itu. Apabila sampai ia di hadapan lubangnya, dilihatnya tujuh ekor anaknya berkaparan sahaja habis mati, darahnya pun ada tumpah di situ. Maka diperiksa, dikenal bekas kaki Syah Alam di Rimba saja. Memerang yang kedua lalu menangis yang teramat sangat sayang akan anaknya itu, putuslah asanya membawa ikan terlalu banyak hendak memberi makanan akan anak-anaknya itu.

(Dipetik daripada *Pelanduk Mengajar Memerang*, antologi *Baik Budi*, Indah Bahasa, Tingkatan 2)

18 Maksud frasa *menatapi sekalian anak buah* ialah

- ☐ A memantau semua rakyat.
☐ B memeriksa saudara-mara.
☐ C memeriksa semua penduduk.
☐ D menyelia semua rakyat jelata.

19 Apakah punca Syah Alam di Rimba melakukan aksi pencak silatnya?

- ☐ A Syah Alam di Rimba terserempak dengan musuh ketatnya
☐ B Syah Alam di Rimba berdendam dengan pasangan memerang
☐ C Syah Alam di Rimba sangat marah terhadap burung bubut yang bising
☐ D Syah Alam di Rimba teringat akan zaman dia bertarung dalam perjuangan

Ibu bapa memerang melihat tapak kaki Syah Alam di Rimba di sarang mereka.

20 Apakah teknik plot yang digunakan dalam pernyataan di atas?

- ☐ A Konflik
☐ B Suspens
☐ C Imbas muka
☐ D Imbas kembali